

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP (MERBOK)**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa tapak pelupusan sisa pepejal mengikut kategori di seluruh Malaysia. Bagaimana dengan jawapan Menteri sebelum ini yang menyatakan akan membina ‘incinerator’ di seluruh negeri dalam masa 2 tahun.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tapak pelupusan sisa pepejal yang beroperasi di seluruh Malaysia adalah sebanyak 137 yang terdiri daripada 21 tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dan 116 tapak pelupusan sisa pepejal tidak sanitari.

Selain daripada pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari, Kementerian ini juga merancang untuk membina loji rawatan sisa pepejal *waste to energy* (WtE) di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mengatasi isu kekurangan tapak yang bersesuaian untuk pembinaan tapak pelupusan sanitari serta menampung penjanaan sisa yang semakin meningkat sepanjang tahun. Projek WtE ini tidak terhad kepada teknologi insinerator sahaja. Projek WtE boleh menggunakan teknologi-teknologi lain seperti

## **SOALAN NO : 25**

*Anaerobic Digestor (AD), pirolisis, gasifikasi dan sebagainya.* Pada masa ini, hanya satu projek loji WtE sedang dalam pembinaan iaitu di Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan yang dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek loji WtE Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur telah ditender pada 29 September 2015 namun ditangguhkan pelaksanaannya kerana terdapat bantahan orang awam. Dalam hal ini, Kementerian ini bersama Unit Kerjasama Awam Swasta dan syarikat yang dilantik sedang berunding mengenai terma-terma perjanjian yang bersesuaian kerana lokasi projek telah berpindah ke Rawang Land 3, Selangor selaras dengan persetujuan Jemaah Menteri pada 17 Jun 2020.

Selain itu, projek loji WtE di Bukit Payong, Batu Pahat, Johor dan Sungai Udang, Melaka masing-masing telah ditender oleh Kementerian ini pada 27 Julai 2020 dan 29 Januari 2021 yang kini berada di peringkat penilaian tender. Kementerian ini menjangkakan pembinaan projek loji WtE Bukit Payong, Batu Pahat, Johor akan dimulakan pada bulan Mei 2023 dan projek loji WtE Sungai Udang, Melaka pada bulan Ogos 2023.

Terdapat 3 lagi loji WtE yang masih dalam peringkat perancangan Kementerian ini iaitu:

- i. WtE Sungai Petani, Kedah;
- ii. WtE Kuantan, Pahang; dan
- iii. WtE Kulai, Johor.

Tender bagi ketiga-tiga projek WtE di atas belum dapat dimulakan kerana pemilihan lokasi dan pemilikan tapak oleh Kerajaan Persekutuan perlu dimuktamadkan terlebih dahulu bersama Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.